

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HKB 112 – Karya-Karya Besar Dari Kesusasteraan Asia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan. Soalan 1 dalam Bahagian A, adalah soalan WAJIB.

BAHAGIAN A

1. **SAMA ADA**

- [a] Karya-karya agung dari Asia, sama ada dari sastera tradisional atau pun moden, memperlihatkan imej dan identiti bangsa yang khusus, dan pada masa yang sama menampilkan nilai-nilai sejagat. Bincangkan pernyataan ini dengan mengemukakan contoh-contoh yang bersesuaian daripada karya-karya Asia yang tersohor.

[40 markah]

ATAU

- [b] Apakah ciri-ciri keistimewaan kesusasteraan karya-karya agung Asia sehingga membangkitkan minat dan pengiktirafan antarabangsa?

[40 markah]

...2/-

BAHAGIAN B

2. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang bersesuaian daripada mana-mana karya Kesusasteraan Filipina, huraikan teknik-teknik penyampaian pengarang moden, yang dapat meninggalkan kesan yang hebat kepada pembaca.

[20 markah]

3. Pelbagai unsur konflik masyarakat sering ditampilkan dengan menarik dalam Kesusasteraan Thai moden. Bincangkan.

[20 markah]

4. Walau pun *kabuki* merupakan seni tradisional, bentuk teater ini masih amat popular di kalangan masyarakat Jepun moden. Dengan merujuk kepada teks *kabuki Kanadehon Chushingura* oleh Monzaemon Chikamatsu, jawab soalan-soalan yang berikut:

[a] Apakah ciri-ciri istimewa teater *kabuki*?

[b] Benarkah teks tersebut merupakan sebuah tragedi? Berikan sebab-sebab untuk menyokong pendapat anda.

[20 markah]

5. Gaya penceritaan Su Tong dalam novel *Raise The Red Lantern* membenarkan pelbagai lapis interpretasi. Bincangkan pernyataan ini.

[20 markah]

6. Bahaskan sama ada *Layla Majnun* karya Nizami wajar dianggap sebagai sebuah karya sastera Sufi.

[20 markah]

7. Apakah ciri-ciri utama konsep-konsep "karya" dan "kesusasteraan" dari perspektif Hindu-Sanskrit? Sejauhmanakah karya *Gitanjali* yang dihasilkan oleh Rabindranath Tagore pada abad ke-20, menepati ciri-ciri tersebut?

[20 markah]